



## Cara Memasang Susun Atur Papan Kekunci Jawi di Sistem Operasi Windows XP/VISTA

1. Unzip fail jawiv31.zip
2. Buka folder jawiv31
3. Klik pada fail setup.exe seperti skrin di bawah




4. Selepas beberapa ketika, satu mesej menyatakan bahawa pemasangan telah selesai sepenuhnya. Klik butang Close



5. Cuba lihat pada taskbar ruangan Language.  
Sepatutnya ia akan memaparkan AR Arabic (Saudi Arabia).




6. Kemudian icon keyboard disebelah kanan akan muncul sekiranya anda telah mengaktifkan susun atur bagi keyboard arab. Klik pada Susun Atur Papan Kekunci Jawi v3.1.
7. Kemudian anda boleh terus menaip pada mana-mana perisian penyunting teks seperti M.Word atau pun di facebook 😊




8. Sekiranya butiran di atas tidak muncul, ini bererti anda perlu menetapkan secara manual.
9. Caranya ialah:

- a. Masuk ke Control Panel > Regional and Language Options > Keyboards and Languages > Change keyboards...
- b. Skrin di bawah akan muncul



10. Klik pada butang Add..
11. Kemudian pilih Arabic (Saudi Arabia) > Keyboard
12. Pastikan kotak Arabic (101) dan Susun Atur Papan Kekunci Jawi v3.1 telah ditandakan seperti skrin di bawah. Klik OK



**Disediakan oleh :**

*Nik Muhammad Nik Abdul Kadir*

*Ejawi.net*

*13/04/2010*